

**GARIS PANDUAN / AKUJANJI PENGGUNAAN KOMPUTER RIBA / TABLET /
TELEFON PINTAR / TELEFON BIMBIT DI MRSM KUALA KLAWANG**

1. Setiap permohonan perlu disertakan surat rasmi kepada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar (TPPB) dan Ketua Guru Asrama (KGA) dengan menyatakan alasan membawa komputer riba / telefon pintar dengan sokongan guru subjek atau guru homeroom.
2. Pelajar perlu menyerahkan surat permohonan yang telah diluluskan kepada Ketua Guru Asrama untuk mendapatkan pelekat pengesahan.
3. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan komputer riba / telefon pintar / telefon bimbit di kawasan yang ditetapkan sahaja. Penggunaan di luar kawasan yang ditetapkan adalah dengan kehadiran guru.
4. **Pihak maktab tidak akan bertanggungjawab atas segala kerosakan atau kehilangan** komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit milik pelajar. Segala risiko atas tanggungjawab pelajar sendiri.
5. Pihak maktab berhak menarik balik kebenaran membawa komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit terhadap pelajar sekiranya didapati terdapat penyalahgunaan seperti menggunakan komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit pada waktu larangan, membuka pembesar suara dengan kuat sehingga mengganggu ketenteraman awam, melayari bahan lucah atau berunsurkan politik melampau serta mengikut budi bicara pihak Guru Asrama dari semasa ke semasa.
6. Tindakan rampasan akan diambil terhadap komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit yang dirampas akan dipulangkan pada hujung tahun tersebut.
7. Pelajar yang melanggar peraturan sedia ada dan berpandukan Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar MRSM.
8. Pihak maktab berhak menyemak isi kandungan dalam komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit pelajar pada bila-bila masa.
9. Pelajar tidak dibenarkan membawa aksesori tambahan seperti wayar penyambung tambahan dan pembesar suara. Soket penghubung sedia ada yang disediakan boleh digunakan bagi mengecut komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit.
10. Tablet / Ipad sebarang saiz dibenarkan untuk tujuan pembelajaran.
11. Penggunaan bank kuasa (*power bank*) adalah TIDAK dibenarkan di MRSM Kuala Klawang.
12. Peraturan-peraturan penggunaan komputer riba / tablet / telefon pintar / telefon bimbit ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Berikut adalah peralatan komunikasi yang saya miliki :

| ALATAN | MODEL | NOMBOR SIRI |
|--------------------------|-------|-------------|
| Telefon Bimbit | | |
| Telefon Pintar | | |
| Komputer Riba/ Tablet | | |

Dengan ini saya berjanji akan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Segala risiko kerosakan / kehilangan adalah di bawah tanggungjawab saya sendiri.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Ibu/Bapa/Penjaga

(_____)

Nama :

Kelas :

(_____)

Nama :

No. I/C:

Tandatangan Penasihat Homeroom (Saksi)

(_____)

Nama:

No. I/C:

- Pelajar mesti membaca setiap peraturan berkaitan penggunaan komputer riba / tablet dan telefon bimbit di hadapan Penasihat Homerom masing-masing sebelum menandatangani garis panduan penggunaan komputer riba dan telefon bimbit ini.

Tarikh : _____